

20/03/1999

Kawalan keselamatan Sungai Nipah diperketat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pihak berkuasa dengan bantuan polis akan menumpukan langkah kawalan keselamatan di Kampung Sungai Nipah, Kampung Sawah dan Bukit Pelanduk di Port Dickson, Negeri Sembilan, yang terdedah kepada wabak Japanese Encephalitis (JE).

Pemangku Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata langkah itu termasuk mengawasi laluan di kampung terbabit bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diinginkan ketika operasi memusnahkan babi yang disyaki dijangkiti virus JE.

Menurutnya, polis akan menjalankan tugas seperti yang diputuskan dalam mesyuarat pasukan petugas khas enam kementerian mengenai langkah mengawal wabak berkenaan, semalam.

"Anggota polis sudah dihantar ke kawasan berkenaan untuk mengawasi dan meninjau segala tindakan yang bersesuaian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Persatuan Keluarga Polis (Perkep), di sini hari ini.

Beliau berkata, pasukan petugas khas yang bertanggungjawab bagi memusnahkan babi di kawasan ternakan yang dilanda wabak itu akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai langkah-langkah keselamatan itu.

Semalam, pasukan petugas khas itu memutuskan untuk memindahkan lebih 11,000 penduduk dari ketiga-tiga kampung berkenaan bagi membolehkan operasi menembak babi dijalankan dalam tiga hari.

Sementara itu, ditanya mengenai siasatan penyebaran berita fitnah terhadap kerajaan dan pemimpin Umno, Norian berkata pihaknya sudah memulakan siasatan awal.

Menurutnya, polis tetap menjalankan siasatan mengenai penyebaran tuduhan palsu itu, walaupun sehingga kini pihaknya masih belum menerima sebarang laporan rasmi mengenai perkara terbabit.

"Tidak ada laporan rasmi dibuat, tetapi kita menyiasat perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai penyebaran berita berunsur fitnah yang disifatkan mengancam keselamatan.

Norian berkata, siasatan kes berkenaan membabitkan semua perkara yang berkaitan penyebaran berita palsu itu.

Ketika ditanya kemungkinan siasatan akan dimulakan di Kelantan berikutan pendedahan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali bahawa pita rakaman berita berunsur fitnah didapati di negeri itu, Norian berkata:

"Ia bergantung kepada siasatan awal yang kita jalankan," katanya.

(END)